

## *Penggunaan Maklum Balas Sebagai Elemen Penilaian Formatif Dalam Pengajaran Karangan Naratif*

**Norlizanah Mohamed Nor**

norlizanah\_mohamed\_nor@schools.gov.sg

**Kasidah Khatoon Kasim Khan Surattee**

kasidah\_khatoon\_kasim\_khan@schools.gov.sg

**Sekolah Rendah Chua Chu Kang**

### *Abstrak*

Kajian ini bertujuan untuk membimbing murid menerapkan amalan menyemak dan menambah nilai karangan dengan penggunaan senarai semak dan maklum balas guru. Penggunaan senarai semak berupaya membimbing murid meneliti susunan isi dan penggunaan bahasa secara lebih berstruktur bagi penulisan karangan mereka. Maklum balas guru berguna untuk membantu murid membetulkan kesilapan atau pun menambah nilai penulisan naratif mereka agar memperolehi markah yang lebih baik. Kajian ini juga memperlihatkan kebolehan murid membetulkan kesilapan mereka secara terarah dan kendiri. Berdasarkan kaedah penggunaan senarai semak dan maklum balas guru, dapatan kajian menunjukkan berkurangnya kesalahan yang dilakukan murid dalam karangan mereka dan peningkatan dalam perkembangan isi karangan murid. Oleh itu, kajian ini berjaya membimbing murid dalam usaha untuk meningkatkan hasil penulisan mereka.

Kata Kunci : senarai semak, penilaian formatif, mutu karangan, maklum balas

## PENGENALAN

Murid didapati sering melakukan banyak kesilapan dalam aspek pemerengganan, ejaan dan tanda baca semasa menulis karangan naratif. Murid juga sering ketandusan idea dan tidak mampu mengembangkan idea untuk menghasilkan sebuah karangan yang bermutu. Oleh itu, satu kajian telah dijalankan bagi mengurangkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan dan menambah nilai isi dan bahasa murid agar dapat menghasilkan sebuah karangan yang kreatif dan menarik.

Penggunaan senarai semak dirasakan perlu untuk membantu murid agar tidak melakukan banyak kesilapan yang dapat menjasakan kualiti penulisan mereka. Dengan panduan senarai semak yang guru sediakan, murid bertanggungjawab terhadap pembelajaran kendiri dan terdorong untuk mengarang dengan lebih baik dan mengurangkan kesalahan dalam penulisan mereka.

Maklum balas yang guru berikan secara konstruktif dapat mempertingkatkan keupayaan murid menambah nilai karangan mereka. Guru dapat memberikan saranan dan tambah nilai melalui maklum balas dan bukan hanya setakat menilai dan memberikan markah kepada murid. Dengan cara ini, murid akan dapat mengenal pasti dan memperbaik kesalahan yang dilakukan dengan lebih terarah dan terpandu di samping menuju ke arah pembelajaran kendiri. Berikut daripada itu, pengkaji menggunakan kedua-dua strategi ini untuk membantu murid berfikir secara kritis dan berstruktur semasa menulis karangan.

## PERNYATAAN MASALAH

Secara lazimnya, murid sering menghadapi masalah untuk menghasilkan sebuah karangan yang bermutu tanpa melakukan kesalahan-kesalahan nyata dan berulang-ulang. Karangan yang dihasilkan mengutamakan hanya isi-isi utama yang dipaparkan di kertas soalan dan juga, mengandungi kesilapan-kesilapan yang biasa dilakukan seperti pemilihan kosa kata, struktur ayat, tanda baca dan pemerengganan yang kurang sesuai. Guru agak prihatin dengan kekurangan ini dan cuba memikirkan beberapa usaha bagi membantu murid menangani masalah ini.

Justeru, guru menggunakan penilaian formatif sebagai asas untuk membimbing murid. Senarai semak telah dipilih untuk menyedarkan murid tentang asas menulis sebuah karangan agar murid bertanggungjawab untuk memastikan karangan mereka mempunyai struktur yang betul dan tidak mengandungi kesalahan-kesalahan yang biasa. Juga, maklum balas guru

merupakan satu pendekatan yang harus diterapkan untuk membantu murid ke arah pemikiran secara kritis dan kreatif.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menggalakkan murid memperbaik mutu karangan mereka;
2. menilai keberkesanan penggunaan senarai semak dalam membimbing murid mengurangi kesalahan-kesalahan lazim dalam penulisan karangan; dan
3. menggalakkan murid untuk berfikir dengan lebih kritis dan kreatif dengan bantuan maklum balas guru.

## KAJIAN LEPAS

Kemahiran menulis merupakan sesuatu yang kompleks dan memerlukan pelbagai kemahiran yang lain seperti menyampaikan buah fikiran, penguasaan bahasa yang termasuk mengeja, menggunakan tanda baca yang betul, pemerengganan dan lain-lain, dan menghubungkaitkan pengalaman serta banyak lagi. Kekurangan atau kelemahan dalam satu atau dua aspek sudah tentunya akan menjadikan penulisan karangan.

Pakar pendidikan, Kathleen Dudden Rowlands (2007), percaya bahawa senarai semak adalah lebih daripada sekadar cara untuk murid meyemak secara tetap dan teratur serta mengikut kehendak sesuatu dalam menyelesaikan tugasan. Beliau menerangkan dalam '*Check It Out! Using Checklists to Support Students' Learning*' bahawa senarai semak boleh membantu murid dalam membangunkan kesedaran metakognitif mengenai proses pembelajaran secara kendiri.

Dalam pembelajaran, maklum balas merupakan satu alat, jika digunakan dengan betul, akan dapat mempengaruhi murid secara positif. Menurut Hattie (1992), maklum balas merupakan sesuatu yang amat berkesan untuk meningkatkan prestasi murid. Dengan memberi maklum balas yang jitu dan membina, murid dapat menerima kesan positif yang mempengaruhi hasil kerja mereka.

Lantaran itu, penggunaan senarai semak dan juga maklum balas guru digunakan untuk membimbing murid melalui proses penulisan dengan lebih teratur dengan panduan secara kendiri.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian berdasarkan Kajian Pengajaran dan berfokus pada sekumpulan murid Darjah 5. Dapatan kaedah kualitatif yang merupakan markah karangan murid bagi praujian dan pascaujian digunakan bagi mengukur keberkesanannya. Perbandingan data keputusan praujian dan pascaujian dilakukan untuk dalam analisis bahan kajian. Praujian merupakan karangan yang murid hasilkan sebelum kajian dijalankan dan pascaujian pula merupakan karangan yang mereka hasilkan setelah diterapkan penggunaan senarai semak dan maklum balas. Karangan dinilai berdasarkan skema pemarkahan karangan (MOE) di mana markah maksimum isi dan bahasa ialah 20 markah bagi setiap komponen.

Kajian ini juga menerapkan beberapa elemen Amalan Pengajaran Singapura (STP) bagi memudahkan pengkaji melakarkan perancangan bagi aspek pelaksanaan pelajaran dan penilaian serta maklum balas. Aspek-aspek pengajaran dan aktiviti mengajar yang telah dipilih dan disusun pengkaji diterangkan dengan lebih terperinci di dalam Jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura**

<b>Proses Pengajaran</b>	<b>Aspek Pengajaran</b>	<b>Aktiviti Mengajar</b>
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Sebuah karangan bergambar digunakan guru pada sesi paintervensi bagi melihat sejauh mana keupayaan murid menghasilkan karangan. Kemudian bagi sesi kedua dan ketiga, guru masih menggunakan karangan bergambar tetapi murid lebih terpandu dengan adanya penggunaan senarai semak dan maklum balas yang diberikan guru sepanjang proses penulisan karangan tersebut.
	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Menunjuk Cara atau Modeling Guru melakukan tunjuk cara dengan mengenalkan simbol-simbol penyemakan bagi memberi pendedahan kepada murid. Guru menjelaskan kepada murid mengenai kesalahan-kesalahan yang telah diberi simbol dan mengalakkan murid mencuba dengan menyemak hasil kerja rakan dan menggunakan simbol-simbol pemarkahan yang dipelajari.

Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Penggunaan senarai semak memberi peluang untuk murid meneliti hasil kerja mereka dan menepati kehendak norma dalam penulisan karangan. Senarai semak juga merupakan antara perancah yang diterapkan bagi membantu murid menyusun isi dan struktur karangan mereka dengan lebih baik.
Penerangan dan Justifikasi		Penggunaan karangan bergambar sememangnya antara strategi terbaik untuk merangsang dan menarik minat murid untuk menjana idea bagi penulisan karangan. Murid dirangsang untuk mengaitkan pengetahuan sedia ada mereka dengan gambar yang dilihat. Guru juga memastikan pemahaman murid dipertingkat melalui tunjuk cara atau modeling. Murid lebih jelas akan fungsi dan penggunaan simbol-simbol bagi pemarkahan karangan selepas guru menerangkan dan menunjukkan cara penggunaannya. Murid juga mempraktikkan penggunaan senarai semak sebagai perancah dan panduan untuk mereka membina kemahiran dalam penulisan karangan.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 29 murid Darjah 5 Bahasa Melayu standard yang berkeupayaan tinggi dan sederhana. Sebahagian besar daripada murid mempunyai asas teguh dan kukuh bagi kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana guru mendapat penulisan mereka boleh ditingkatkan dengan mengurangkan kesalahan-kesalahan bahasa, ejaan dan pemerenggan, dan meningkatkan keupayaan berfikir dengan lebih mendalam mengenai senario-senario yang digambarkan. Pemilihan subjek kajian bagi peringkat ini dilakukan untuk membimbing dan meningkatkan pencapaian murid yang berkeupayaan tinggi dalam penulisan karangan secara berpandu. Seramai dua orang guru terlibat dalam usaha membina instrumen kajian ini.

## Instrumen Kajian

Beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini.

### *Praintervensi*

Praintervensi dijalankan dengan meneliti dan memarkahkan hasil karangan murid sebelum melalui kajian ini. Kumpulan sasaran diberi gambar bersiri dan mereka kemudian mereka menghasilkan sebuah karangan berdasarkan gambar bersiri tersebut. Kemudian, guru memarkahkan karangan tersebut dengan biasa dan murid membuat pembetulan dan menulis kembali karangan tadi.

### *Gambar Karangan*

Set pertama gambar bersiri diberikan sebagai pRAINTervensi agar murid dapat melakukan ujian yang sahih dengan gambar yang sama. Gambar pertama ini tidak dibimbing langsung oleh guru. Set kedua gambar bersiri diberikan dengan pengenalan senarai semak. Set ketiga gambar bersiri digunakan untuk latihan dengan pemarkahan guru bersama maklum balas.

### *Senarai Semak untuk murid*

Senarai semak diedarkan kepada murid agar mereka dapat memenuhi kehendak biasa dalam penulisan karangan. Markah bahasa diambil kira dengan penggunaan senarai semak ini. Jadual 2 menunjukkan contoh senarai semak yang disediakan dan digunakan oleh murid semasa pembelajaran karangan.

**Jadual 2: Senarai Semak Murid bagi Penyemakan Karangan**

Nama: _____		Kelas: ___ M ___ / ___			
No	Perkara	Karangan			
		1	2	3	4
1	Saya RANCANG karangan menggunakan rutin berfikir LFT, LMK atau MAK B.				
2	Karangan saya dimulakan dengan teknik watak / pemerian / imbas kembali atau dialog/monolog.				
3	Saya menulis 1 / 2 dialog dalam karangan.				
4	Saya menggunakan 1 / 2 peribahasa yang sesuai.				
5	Saya menggunakan imbuhan dengan betul.				
6	Saya semak penggunaan tanda baca dengan teliti.				
7	Saya mahu pembaca tertarik dengan karangan saya yang tiada kesilapan ejaan.				
8	Karangan saya sepanjang 150 patah perkataan atau lebih.				
9	Karangan saya ada sekurang-kurangnya 5 atau lebih perenggan.				
10	Kesudahan cerita saya merupakan satu pengajaran atau penyesalan.				

### *Simbol Penyemak Karangan*

Senarai simbol yang digunakan untuk menyemak juga diberikan kepada murid agar murid dapat mengenali dan tahu simbol-simbol yang guru gunakan semasa menyemak karangan. Jadual 3 berikut merupakan contoh senarai simbol.

### Jadual 3: Senarai Simbol Penyemakan Karangan Prosedur Kajian

PENYEMAKAN KARANGAN	
SIMBOL	Penerangan
★	Penggunaan perkataan / frasa / ekspresi yang baik
E	Kesalahan ejaan
B _____	Kesalahan Bahasa (B ditulis di garisan paling kiri)
_____	Penggunaan perkataan yang salah
Λ	Perkataan yang hilang
TB	Tanda baca yang salah
#	Memerlukan peluasan isi / idea
//_____//	Ayat yang tidak dapat difahami
//	Perenggan yang baru

Kajian berlangsung selama sembilan waktu pelajaran dan mengambil masa lebih kurang satu jam bagi setiap sesi. Karangan yang pertama merupakan praintervensi. Karangan ini ditulis dan dimarkahi seperti biasa tanpa senarai semak mahupun maklum balas guru. Tugasan ini dijalankan untuk menilai sama ada murid dapat membaiki karangan tanpa pertolongan khusus daripada guru.

#### *Pelajaran Intervensi 1 dan 2*

Sebuah hasil karangan murid di dalam kelas tersebut dijadikan contoh untuk membimbing murid mencari kriteria yang diperlukan di dalam senarai semak. Murid dipandu untuk menggunakan senarai semak yang telah disediakan bagi menilai karangan sendiri (karangan yang sedia ada sebelum praintervensi) sebagai latihan. Kemudian, murid menghasilkan karangan dengan set kedua gambar bersiri dengan sokongan senarai semak.

#### *Pelajaran Intervensi 3*

Murid mendapat kembali karangan yang ditulis berdasarkan set kedua gambar bersiri bersama senarai semak dan memberi pendapat sama ada senarai semak itu dapat membantu murid menulis dengan lebih teratur dan mengikut panduan yang guru sediakan.

#### *Pelajaran Intervensi 4, 5 dan 6*

Murid menulis karangan berdasarkan set ketiga gambar bersiri berfokuskan pada senario 2 dan 3. Guru menilai hasil kerja murid dengan penggunaan simbol penyemakan dan memberi maklum balas secara langsung.

Murid meneliti karangan mereka dan kemudian membuat pembetulan mengikut panduan simbol penyemakan serta maklum balas guru. Murid boleh meminta bantuan rakan secara kolaboratif untuk membaiki penulisannya. Langkah seterusnya memerlukan murid menulis karangan lengkap dengan merujuk pada senarai semak. Kini, murid lebih peka dengan apa yang dikehendaki. Setelah dinilai guru, murid akan membuat penyemakan dan pembetulan serta menaik taraf karangan dengan mengikut saranan serta maklum balas guru. Rajah 1 berikut merupakan contoh hasil kerja murid dengan maklum balas guru.

**Rajah 1: Contoh Hasil Kerja Murid Dengan Maklum Balas Guru**

g orang yang perlu  
memberi tempat duduk kepada  
\* apabila Siti nampak /  
+ tidak selesai.  
Cikgu suka bahagian  
m+ Anelia memuji  
Siti → masih boleh  
dimakcikn

ke hospital yang berdekatan/Hadi menginangi bandar  
yang isterinya tidak ada apa yang sirius/Mataanya sedang  
berkaca ✗ ceritakan apa yang berlaku di hospital  
lamanya?  
Banyak bulan kemudian, isterinya boleh  
puang ke rumahnya. Doktor menasihahkan yang  
B isteri Hadi harus berkorang. Mereka berasa syukur de  
terima sebab menyelamat nyawanya.  

+	+	+	+
12	11	23	

  
 + perspektif yang  
lain = ahli bomba... syabar!  
 - penggunaan imbuhan di

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Murid agak responsif mengenai penggunaan senarai semak dan maklum balas guru. Murid memberi pandangan bahawa dengan adanya senarai semak, mereka lebih tahu mengenai kehendak karangan dan senarai semak membantu mereka menghasilkan sebuah karangan yang berformat mengikut bimbingan guru. Senarai semak ini juga boleh diubah suai mengikut kehendak guru ataupun dimudahkan untuk tahap yang berbeza. Murid mengatakan bahawa mereka terangsang untuk menghasilkan penulisan apabila tahu apa yang diperlukan dan dapat menyemak sama ada mereka telah melakukan yang betul atau sebaliknya.

Melalui maklum balas guru dan simbol semakan, murid sedar apa yang harus dibuat dan bagaimana guru membantu meningkatkan karangan mereka. Mereka teruja apabila melihat guru memberikan komen yang konstruktif atau emmbina dan ini memberi kesan yang positif dalam karangan-karangan yang seterusnya kerana murid dapat mengembangkan idea-idea dalam karangan berdasarkan komen dan saranan guru.

## **KESIMPULAN**

Kajian ini memerlukan lebih banyak penelitian dan latihan sebelum murid dapat menguasai strategi ini dalam penilaian formatif. Murid berpotensi menggunakan maklum balas guru dengan baik dan mereka dapat membetulkan kesilapan secara kendiri. Selain maklum balas guru sebagai perangsang untuk memperbaiki nilai karangan murid, perhatian juga harus diberikan pada senarai semak untuk membimbing murid. Senarai semak boleh diubah suai oleh guru untuk setiap karangan yang akan dibuat bagi menolong murid mengembangkan idea dan juga berfikir dengan lebih jelas dan mendalam.

Usaha mendorong murid ke arah pembelajaran kendiri ini meraih kesan positif yang masih boleh dikemas kini. Walaupun murid lebih bertanggungjawab untuk pembelajaran sendiri kalau dibandingkan dengan dahulu, kriteria serta komponen di dalam senarai semak serta keberkesanan komen guru boleh diteliti lagi. Rancangan masa depan untuk kajian ini ialah memastikan murid dapat mengumpul maklum balas bukan sahaja daripada guru tetapi juga dari rakan sebaya. Murid juga dapat memberi maklum balas yang bernes kepada rakan agar berupaya untuk membangun antara sama lain semasa menghasilkan sebuah karangan.

## **RUJUKAN**

Hattie, J., & Timberly, H. (2007, March). Feedback. Retrieved from  
<http://www.columbia.edu/~mvp19/ETF/Feedback.pdf>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*.  
Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

University of Malaya. (n.d.). UM Students' Repository. Retrieved from  
<http://studentsrepo.um.edu.my/1331/>